

Ilmu alat perkasa . umat Islam

Oleh Jamhari Jaafar dan
Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, ilmu pengetahuan boleh menjadi alat bagi memperkasakan masyarakat Islam jika mereka berjaya mengubah corak pemikiran mengenai keperluan mencari ilmu selain ilmu agama.

Beliau berkata, jika ini dapat dicapai dan disertai tindakan mengamalkan ilmu yang diperoleh itu, maka ia akan menjadi alat yang dapat memperkasakan masyarakat Islam.

Dalam ucap utamanya pada Forum Antarabangsa Kuala Lumpur Mengenai Islam (Kalif 2002) di Hotel Sheraton Imperial di sini, Perdana Menteri berkata takrif sebenar yang ditekankan ajaran Islam mengenai usaha mendapatkan ilmu adalah sangat penting.

"Kita tidak seharusnya membiarkan diri kita dipesongkan oleh takrif yang tidak betul mengenai Islam sebagaimana yang mengakibatkan kita terlepas revolusi perindustrian, menolak tenaga elektrik dan produk kejenteraan sehingga mengurangkan kemampuan mempertahankan kepercayaan kita dan diri kita sendiri," katanya.

Kalif yang diilhamkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bertema "Islam dan Politik", adalah forum tiga hari yang menghimpunkan intelek dan pakar pelbagai bidang termasuk agama, sains politik, undang-undang, sosiologi dan antropologi.

Dr Mahathir berkata, ilmu pengetahuan dapat menyumbang kepada keperluan ekonomi, sosial dan keselamatan masyarakat Islam.

Katanya, ilmu pengetahuan bukan statik kerana ia sentiasa berkembang dari masa ke semasa, dan kerana itu usaha mengejar ilmu perlu dijadikan usaha berterusan.

Justeru, Perdana Menteri berkata, masyarakat Islam perlu mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang seperti sains, matematik dan perubatan.

"Dalam lingkungan masyarakat Islam, yang berjumlah kira-kira 1.3

Kuasai ilmu perkasa masyarakat: PM

DARI MUKA 1

bilion, setiap bidang ilmu pengetahuan boleh dicari, dan bidang baru mesti ditemui sepanjang masa.

“Sememangnya, perlu juga wujud sebilangan anggota masyarakat yang dapat mendalami ilmu agama, kerana pembahagian tenaga dalam 1 ingkungan ummah seperti ini bukan saja akan memperkaskan masyarakat tetapi akan melahirkan masyarakat yang seimbang,” katanya.

Pada masa sama, Dr Mahathir berkata, umat Islam tidak harus terlalu taksib kepada bentuk sehingga tidak mengendahkan asas.

“Saya tidak fikir adalah salah menyatakan bahawa dunia Islam hari ini berada

dalam kedudukan terendah, dan mungkin terus merosot dan jatuh.

“Siapa yang menguatkuasakan kod pakaian yang menjadi tumpuan kebanyakan kita sehingga mengabaikan suruhan Islam yang amat penting untuk penjagaan keselamatan ummah?”

“Suruhan Islam terhadap perkara yang lebih penting diabaikan tanpa segan silu,” katanya merujuk kepada suruhan Islam terhadap mencari ilmu dan memperbaiki diri.

Di samping itu, Perdana Menteri menyentuh zaman kegemilangan ummah sewaktu Tamadun Islam dan bagaimana negara Eropah mengambil masa beratus-ratus tahun untuk menca-

pai tahap kejayaan Islam ketika itu.

Katanya, disebabkan kejayaan masyarakat Eropah mencapai tahap itu dan terus mengatasi umat Islam kini, masyarakat Islam harus menerima hakikat bahawa ia terpaksa berjuang untuk tempoh agak lama.

“Bagaimanapun kita bernasib baik kerana ilmu pengetahuan kini tidak lagi tersorok kerana ia boleh diperolehi. Banyak ilmu yang sudah didokumenkan dan mudah didapati,” katanya.

Sementara itu, Abdullah dalam ucapannya, berkata dunia Islam masih belum berjaya mencapai kejayaan dalam politik dan ekonomi.

“Kita masih tidak ada pe-

mimpin dunia dan pada masa kita dilimpahi kejayaan negara, ekonomi kita masih perlu ditampung bantuan negara luar.

“Oleh kerana itulah, idea Kalif ini dilaksanakan supaya wujud perubahan dalam pemikiran intelek Islam. Forum ini amat diperlukan di mana pemikir progresif daripada orang Muslim dan bukan Muslim, dapat berhadapan dengan isu berkaitan dengan dunia Islam kini,” katanya.

Abdullah berkata, adalah menjadi harapan umat Islam untuk menilai semula kedudukan dan cabaran yang dihadapi ummah, terutama selepas kejaclian 11 September di Amerika Syarikat.